



Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
No. Telefon: 03-80642400  
No. Fax: 03-80635420  
E-mel: [ndcc@nadma.gov.my](mailto:ndcc@nadma.gov.my); [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my)

**JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA**  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

**AMARAN HUJAN BERTERUSAN BURUK**

Masa dikeluarkan:  
1:10 tengah hari, 3 Januari 2022

**BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku** sehingga 4 Januari 2022  
Pahang (Rompin) • Johor (Mersing)

**WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku** sehingga 4 Januari 2022  
Terengganu (Kemaman) • Pahang (Maran, Kuantan, Bera dan Pekan) • Negeri Sembilan (Kuala Pilah, Rembau, Jempol dan Tampin) • Melaka • Johor (Tangkak, Segamat, Muar, Batu Pahat, Kluang, Pontian, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru) • Sabah: Sandakan (Telupid, Kinabatangan, Beluran dan Sandakan) dan Kudat

**NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA (KEMASKINI)**

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada 1:10 petang, 3 Januari 2022 telah mengemaskini **Amaran Cuaca Berterusan Bahaya (Merah)**, **Amaran Cuaca Berterusan Buruk (Jingga)** dan **Amaran Cuaca Berterusan Waspada (Kuning)** seperti yang dipaparkan di atas.

Sehubungan dengan itu, **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah hendaklah diaktifkan** serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri/Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap pusat pemindahan dilengkapi dengan keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mempunyai segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan. **Semua Pusat Operasi/Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah memanjangkan Notis ini ke**

**peringkat Negeri dan Daerah.**

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat bencana, bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui nombor telefon **03-80642400**, faksimili **03-80635420** dan alamat e-mel [opsroom@nadma.gov.my](mailto:opsroom@nadma.gov.my).

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)  
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)  
Jabatan Perdana Menteri  
**3 Januari 2022**